

BAGI orang Minangkabau perkahwinan bukan: ~~hanya~~ memenuhi kepentingan sepasang insan membentuk keluarga atau rumah tangganya sahaja, tetapi menjadi urusan dan persoalan kaum kerabat. Perkahwinan merupakan sistem kehidupan yang menghubungkan setiap individu dalam masyarakat. Oleh itu suku menjadi wadah utama perhubungan sosial kerana mereka yang tidak mempunyai 'suku' akan terbuang laksana kera sunbang.

Mulai daripada merisik duai, membuat persetujuan, mengikat pertunangan dan melangsungkan perkahwinan adalah tidak terlepas mengaitkan urusan dan tanggungjawab suku. Disebabkan falsafah Minangkabau membentuk kehidupan bersama di kalangan masyarakatnya, maka perkara rumah tangga juga menjadi urusan bersama. Sehingga masalah peribedi dalam urusan suami isteri tidak terlepas daripada menjadi masalah bersama kepada masyarakatnya.

Sekalipun terdapat batasan-batasan tertentu menurut aturan adat, namun kebanyakan orang lupa akan batasan tersebut dalam hubungan berkeluarga. Sekiranya urusan rumah tangga diberi perhatian oleh masyarakat mengikut luma-luma tradisi adat, maka ada kalangan yang menyebut: Labiah hangek tadah dari cangkia (Lebih panas piring alas daripada cangkir) atau cawan).

Pola perkahwinan dalam masyarakat Minangkabau adalah bersifat exogami, yakni kedua belah pihak atau salah satu pihak daripada pernikahan itu tidak 'lebur' ke dalam kaum kerabat atau suku pasangannya. Setiap orang mempunyai warga kaum dan suku masing-masing yang tidak boleh dialihkan. Mereka tetap kekal menjadi warga kaum atau suku masing-masing sekalipun telah diikat oleh perkahwinan dan seterusnya beranak cucu.

Anak-anak mereka secara otomatis menjadi waris di dalam suku si isteri, sehingga si ayah seolah-olah hilang tanggungjawab terhadap kehidupan anak-anaknya. Bagaimanapun dalam urusan rumah tangga kedudukannya sebagai suami tetap menjadi ketua keluarga. Gambaran mengenai sistem adat itu mungkin mengelirukan mereka yang tidak mendekati adat Minangkabau.

Sebenarnya menurut hakikat ajaran adat Minangkabau, tanggungjawab seseorang ayah terhadap anak-anaknya mahupun rumah tangganya tidak pernah terjejas seperti ditetapkan dalam hukum syarak. Malah masyarakat tradisi Minangkabau sebelum kedatangan Islam ke kepulauan Melayu pun, tidak pernah mempertikaikan hak seorang suami dalam rumah tangganya, terutama yang menyangkut hubungan ayah dan anak-anaknya.

Apa yang menjadi tanggungjawab 'suku' ialah apabila rumah tangga itu kucar kacir. Setelah berlaku pergeseran di antara suami isteri hingga berlaku perceraian misalnya, maka menjadi tanggungjawab 'suku' memelihara dan menguruskan kehidupan anak-anak yang ditinggalkan.

Bukanlah bermakna adat Minangkabau malukan sesuatu perkahwinan itu menjadi rapuh, tetapi aturan tersebut untuk memastikan supaya pihak perempuan tidak teraniaya sekiranya perkahwinan mereka berakhir dengan perceraian. Pembahagian tugas di antara 'orang semenda' dan 'tempat semenda' (atau mamak rumah) mempunyai batas-batas pantang larang bagi kedua belah pihak.

Nilai-nilai yang diamalkan dalam adat Minangkabau seringkali menimbulkan pandangan negatif sekiranya mereka tidak cukup memahami. Tentulah tidak logik apabila 'orang semenda' sekadar menurut sahaja perintah 'tempat semenda' seperti

disebut dalam ungkapan perbilangannya:

Orang semenda

Disuruh pergi

Dipanggil datang.

Perkawinan exogami yang berlaku di Minangkabau menempatkan para isteri pada status yang sama dengan suaminya. Sistem hidup yang diamalkan dengan memberi keutamaan kepada nasab ibu, menyebabkan isteri ~~ke~~ tidak terlalu bergantung kepada suami. Memang suami diberi perhatian 'seolah-olah dimanjakan' oleh nenek-mamak isterinya, tetapi kedudukannya tetap sebagai 'orang semenda' yang tidak boleh campur tangan dalam urusan suami isterinya.

Bagaimana rumah tangga mereka adalah di bawah ~~pengawasan~~ pengawasan suami yang ditafsirkan sebagai 'berajo kali'. Kaedah adat dipandang di sisi bernegeri ditegaskan:

Nagari ba-kaampok suku

Suku ba-buah paruk

Kampung ba-nan tuo

Kaum berajo mamak

Rumah gadang batunggani

Rumah tangga berajo kali.

Susunan berkeluarga dalam adat Minangkabau ini tidaklah meletakkan ~~kedudukan~~ kedudukan seseorang suami semata-mata menerima perintah daripada nenek-mamak isterinya iaitu 'tempat semenda'. Susunan berkeluarga ini selaras pula dengan susunan dalam sistem pentadbiran negeri, iaitu:

Kemantikan berajo mamak

Mamak berajo penghulu

Penghulu berajo ke muafakat

Muafakat di atas alur nan patut

Alur patut berajo bana (kebenaran)

Bana berdiri sendirinya.

Oleh itu bagi seseorang suami yang mahu dimanjakan (atau dihormati) di tengah keluarga isterinya, maka hendaklah tahu menyesuaikan diri. Begitu juga isterinya perlu tahu menyesuaikan diri di tengah keluarga suami sekiranya mahu dihormati. Di sinilah letaknya 'istiadat baso basi dan ereng gendeng' dalam adat Minangkabau itu.

Kedadaan tersebut ialah membabitkan mereka yang menetap pada sesebuah negeri atau yang berdekatan. Negeri dalam alam Minangkabau pula meliputi setiap kedudukan yang berkaitan dengan: i) berkahwin keluarga suku, ii) berkahwin keluarga negeri, dan iii) berkahwin keluar dari Minangkabau.

i) Berkahwin keluarga suku: adalah dilarang dalam adat Minangkabau. Perkahwinan diutamakan di kalangan di luar suku.

ii) Berkahwin keluarga negeri: Selalunya lazim berlaku ialah perkahwinan di dalam sesebuah negeri. Keadaan demikian pada tingkat suku ialah bersifat exogami, tetapi untuk sesebuah negeri disebut endogami. Bagaimanapun dalam alam Minangkabau perkahwinan keluarga negeri ini tetap dikira exogami suku.

iii) Berkahwin keluar dari Minangkabau: Berlakunya perkahwinan keluar daripada negeri, tetapi mestilah tidak di kalangan sesama suku. Sekalipun sudah ~~berlak~~ berlakunya perkahwinan negeri atau luar, kedudukan suku masih juga diberi perhitungan dalam menentukan pasangan perkahwinan.

Masyarakat tradisi Minangkabau sejak dahulu kala memang ~~meng~~ sentiasa mengelakkan daripada berlakunya perkahwinan sesama suku ini. Umpamanya seseorang yang berasal daripada suku Koto di negeri A, sekiranya berkahwin dengan orang dari negeri B, hendaklah ~~tidak~~ dipastikan tidak daripada suku Koto juga. Sebab itulah ditentukan di dalam adat:

Kok dakek mencari hindu

Kok jauh mencari suku.

Berdasarkan perbilangan itulah anak-anak Minangkabau dilarang keluar daripada negeri masing-masing, supaya darah 'suku' tidak terpisah jauh. Bagaimanapun ada juga kelaziman yang bertentangan dengan perkahwinan yang disebut-

kan di atas iaitu katogeri yang dinamakan kahwin gundik mengikut perkahwinan adat raja-raja. Perkahwinan ini di kalangan suku yang sama tetapi andiko (hindu) sudah berpecah iaitu di bawah penghulu andiko yang berasingan.

Adakalanya terdapat juga dalam perkahwinan gundik ini seseorang yang kedudukannya: Kemanakan di bawah lutut yang hinggap mencengham terbang bersetumpu, apabila dikahwini oleh sesama suku, anaknya menjadi suku sebelah bapanya dan sekalian suku ibunya juga. Hal ini berlaku apakala seseorang ~~tidak~~ dato' atau kepala kaum telah rosak (punah).

Maka untuk menjaga supaya waris suku dan harta pesaka tidak putus hingga terkeluar daripada suku, dilahirkan ~~adat~~ istiadat tersebut dengan melaksanakan tata cara adatnya yang khas. Bagaimanapun kejadian tidaklah banyak berlaku, hanya terdapat dilaksanakan oleh beberapa kalangan di Tanah Datar.

Langkah melaksanakan istiadat demikian tidaklah dibuat serta merta, disebabkan tidak ada dalam ketentuan umum dalam adat Minangkabau. Bolehlah dianggap langkah tersebut memang melanggar tata susila masyarakat Minangkabau, dan disedari atau tidak oleh generasi sekarang tidaklah ketara disebabkan longgarnya pemahaman mereka terhadap adat.

Perkahwinan gundik ini mungkin terjadi setelah kedua belah pihak bermukim di luar negeri yakni sama-sama merantau. Mungkin juga secara sedar mereka telah menipu kadhi, pencatat nikah atau kedua belah pihak keluarga masing-masing dengan tidak menerangkan suku sebenarnya. Ertinya, perkahwinan tersebut dilakukan menurut kemahuan mereka berdua sahaja dengan tidak mendapat restu keluarga.

Bagaimanapun sikap individu demikian bukanlah mencerminkan kemantapan sebenarnya adat Minangkabau. Di samping itu ada juga pihak yang mempertikaikan ketentuan adat melarang perkahwinan sesama suku, disebabkan tidak ada halangan di sisi syarak. Menurut syariat Islam mereka yang dilarang berkahwin adalah saudara sesusuan.

Percanggahan juga terdapat apabila perkahwinan dengan anak mamak (bapa saudara) dianggap ideal menurut adat Minangkabau, sedangkan berkahwin dengan anak

makcik (saudara perempuan ibu) dilarang keras oleh adat. Kalau dinilai hubungan kekeluargaan keduanya itu berada pada jarak yang sama dan kedudukan darjat yang setaraf yakni sama-sama saudara sepupu dan tidak pula sesusuan. Hanya perbezaan di sisi adat digariskan:

ANAK MAMAK: darah ibunya adalah satu lain daripada ayahnya. Menurut adat dan agama boleh berkahwin kerana tidak sesusuan dan tidak juga sesuku. Jadi keduanya tidak melarang, bahkan menurut adat adalah perkahwinan yang ideal.

ANAK MAKCIK: (atau saudara perempuan ibu) kerana berada di dalam satu suku, walaupun tidak sesusuan, maka menjadi pantang di sisi adat sekiranya berkahwin. Manakala di sisi syariat Islam tidak melarang perkahwinan demikian kerana tidak sesusuan, dan syariat Islam tidak memperhitungkan sesuku sebagaimana adat.

Kalau dilakukan perkahwinan di kalangan anak-anak yang ibu mereka bersaudara seibu sebapa, maka susunan kelompok bersuku-suku di bawah materilini akan 'buyar' atau tidak bermakna lagi. Atas sebab-sebab inilah dilarang perkahwinan sekiranya ibu adik beradik, kerana adat Minangkabau mempertahankan sistem nisab sebelah ibu dan berkait rapat dengan susunan negeri dan hubungan tanah pesaka (kato pusako).

Oleh itu perkahwinan tersebut bukanlah bertentangan dengan agama atau menolak syariat Islam. Hanya sekadar tidak melaksanakan apa yang dibolehkan oleh agama. Inilah bukti luhurnya ikatan batin mereka yang sesuku, walaupun berlainan negeri namun masih sama-sama mematuhi dan menghormati:

Suarang lah babagi

Sakutu lah babalah

Nan malu balun lai babagi.

Di dalam adat Minangkabau perkahwinan yang ideal ialah di kalangan yang paling dekat misalnya, perkahwinan di antara anak ~~kemenakan~~ dan ~~suku~~ kemenakan iaitu lelaki dan perempuan saudara seibu sebapa ~~majikan~~ menjodohkan anak mereka.

Perkahwinan demikian lazimnya disebut: Pulang ke bako atau pulang ke anak mamak.

Pulang ke anak mamak: ialah mengahwini anak mamak (bapa saudara, iaitu saudara lelaki seibu sebapa dengan emak)

Pulang ke bako: ialah mengahwini kemanakan ayah (iaitu isteri ialah anak kepada saudara perempuan yang seibu sebapa dengan ayah).

Perkahwinan pulang ke anak mamak dan pulang ke bako ini dianggap paling ideal di sisi adat Minangkabau kerana hubungan mereka paling dekat. Di samping itu perkahwinan yang dianggap ideal juga termasuklah: a) perkahwinan ambil mengambil atau bertimbang lantai, b) perkahwinan silih lapik, c) perkahwinan orang sekorong.

- a) Perkahwinan ambil mengambil atau bertimbang lantai: ialah perkahwinan di antara kakak yang berkahwin dengan lelaki suku A, dan adik perempuannya pula berkahwin dengan lelaki daripada suku B, iaitu secara bersilang.
- b) Perkahwinan silih lapik: ialah dilakukan apabila seseorang isteri atau suami meninggal dunia, maka si suami (duda) atau si isteri (janda) mengahwini saudara kepada yang meninggal, baik saudara kandungnya mahupun saudara sesuku.
- c) Perkahwinan orang sekorong: ialah perkahwinan sama sekampung, senegeri, seluk atau sesama di kalangan masyarakat alam Minangkabau. Biasanya perkahwinan dengan orang luar tidak berapa disukai, sekalipun tidak dilarang di sisi adat. Kalau terjadi juga perkahwinan di luar alam Minangkabau ini maka disebutlah:

Adat ~~****~~ diisi lembaga dituang

Masuk berserta tahu

Keluar berserta izin.

Kesimpulannya menurut aturan adat bahawa perkahwinan yang ideal itu ialah perkahwinan 'awak sama awak'. Tidaklah bermakna pola perkahwinan 'awak sama awak'

Sedangkan kehadiran seseorang isteri daripada 'orang luar' itu menjadi beban pula kepada keluarga lelaki, kerana di sisi adat kedudukan isteri berkenaan ialah:

Melompat tidak bersetumpu

Berdencing tidak sama besi

Berdekak tidak sama batu.

Di zaman lampau perkahwinan dengan orang luar dianggap tidak mempunyai mertabat yang sama. Dengan sendirinya seolah-olah masyarakat Minangkabau mewujudkan kasta, sehingga masyarakat yang di luar Minangkabau dianggap bermertabat rendah. Sikap demikian sebenarnya wujud di kalangan individu sahaja, dengan tidak merujuk kepada sebab-sebab sebenarnya seperti korong sekampung, suku dan sebagainya.

Bagaimanapun dalam zaman sekarang dengan perkembangan pemikiran masyarakat semakin maju, ukuran mertabat tidak penting lagi. Malah di sisi agama pun mereka yang mempunyai mertabat tinggi ialah golongan yang beriman dan bertaqwa kepada Allah dan Rasul-Nya. Maka jalan penyelesaian bagi mengatasi konflik demikian ialah ditetapkan: Menuang lembaga dan mengisi adat, iaitu:

Malonpek basetumpu hinggok mancakam

Masuk baserato tahu

Keluar baserato izin

Dimasukkan ayam ka kandang

Diletakkan suatu di tampelanyo

Jalan ditampuh jo adat

Dijalang rantau jo pusako

Erinya sebelum pernikahan itu dilaksanakan maka hendaklah terlebih dahulu dimasukkan calon isteri itu ke dalam suku lain di dalam negeri si suami, sebagai: Hinggok mancakam batang, tabang menumpu dahan. Calon isteri itu perlu mengikuti tata tertib adat, dengan meletakkan halnya di dalam suku supaya:

Duduk samo randah

Tagak samo tinggi.

Dengan memasukkan calon isteri ke dalam suku, maka urusan nikah kahwin-nya diselenggarakan oleh suku terabit. Oleh itu anak mereka hasil perkahwinan itu dikira suku yang menerima perempuan tersebut. Maka pernikahan dua insan berkenaan secara formal adalah melibatkan korong kampung juga.

Kalau tidak dimasukkan ke dalam suku, sudah tentu kedudukan anak-anak mereka terkontang kanting. Anak-anak tidak diterima masuk kepada suku bapa, manakala ibunya pula tidak mempunyai suku. Akibatnya mereka dianggap masyarakat yang lain daripada Minangkabau.

Di dalam adat Minangkabau tidak menjadi kesalahan dilakukan istiadat masuk suku ini, kerana ia perbilangannya menyebut:

Gapuk tidak membuang lamak

Caredik tidak membuang kawan

Duduk surang basampit-sampit

Duduk ~~basampit-sampit~~ basamo-samo balapang-lapang.

Bagaimanapun apabila wanita Minangkabau berkahwin dengan lelaki luar tidaklah membawa apa-apa perubahan. Anak mereka tetap diterima sebagai ahli suku ibunya mengikut sistem nisab ibu, dan anak-anak berkenaan tetap keturunan Minangkabau seperti diterangkan dalam perbilangannya:

Adat dipakai baru

Kain dipakai usang

Kain: ~~pendinding~~ pendinding miang

Emas pendinding malu.

Masyarakat Minangkabau melihat sistem perkahwinan bukan sekadar memenuhi kepentingan keturunan, tetapi memupuk hubungan kekeluargaan yang lebih erat. Oleh itu adat Minangkabau menganggotakan:

Bekampung nak laweh

Behubung nak panjang.

Maka tiap-tiap perkahwinan yang terjalin mestilah diperhitungkan juga sebab dan akibat sama ada akan terganggu hubungan di kalangan masyarakat atau pun tidak. Perkara percintaan dua insan tidak penting, sekiranya dengan perkahwinan lebih banyak menimbulkan suasana yang keruh di dalam lingkungan keluarga atau masyarakat. Sebab itu dalam adat Minangkabau disebutkan:

Dirosok sahabih gauang

Dikacak sahabih raso

Dituah dicilakoi

Ditimbang malarat jo manfaat

Lalok sakalok dipikiri

Bajalan selangkah madok suruik

Bao malintang mambilang lahe

Manilungruk mambilang lantai

Ingek-ingek nan di ateh

Nan di bawah kok maimpok.

Oleh itu perkahwinan dalam adat Minangkabau harus juga dipakai 'raso jo pariso'. Raso: jatuh pada kerja lidah iaitu masin, pedas dan sebagainya.

Pariso: Ialah pekerjaan hati yang meliputi perasaan halus mendalam, nan merah sago, nan kuriak hundi, nan indah baso dan nan baik budi. Sudah tentulah dalam menilai setiap pekerjaan itu bagi menentukan buruk atau baiknya, terletak pada pertimbangan: ~~hati~~ hati yakni akal fikiran.

Maka hukum perkahwinan di Minangkabau mempunyai lapis-lapis tertentu yang disebut 'pantang larang'. Pengertian larang ialah: Perkahwinan yang tidak dapat dilakukan. Sementara pengertian pantang: Ialah perkahwinan yang dapat dilakukan tetapi diselubungi oleh kesangsian. Di samping adanya perkahwinan pantang dan larang ini, terdapat pula perkahwinan sumbang dan salah di sisi adat yang disebut: Sumbang salah.

Pekerjaan sumbang seperti kita mahlumi ialah perkara yang mendorong kepada 'salah' dengan cepat. Sudah tentulah bagi mengelakkan berlakunya mudarat lebih baik jangan didekati sebarang pekerjaan sumbang itu. Perkahwinan yang

dilarang di sisi adat, malah menjadi aib kepada hulum umum, apa lagi hulum agama ialah mengahwini ibu, ayah, mentua, menantu dan sebagainya.

Perkahwinan yang menjadi 'pantang' ialah perkahwinan yang boleh merosakkan sistem adat, yakni yang mempunyai pertalian darah nisab ibu seperti sekam, sekampung atau sesuku. Perkahwinan ~~sumbang~~ sumbang pula akan merosakkan kerukunan sosial, disebabkan semata-mata mahu menjaga kepentingan keturunan tertentu hingga menyinggung harga diri seseorang atau kaum. Fungsi raso dan periso perlu diambil kira apabila melakukan perkahwinan sumbang iaitu dengan mengahwini:

- i) Orang yang telah diceraihan oleh kaum kerabat terdekat.
- ii) Gadis yang sedang bertunang.
- iii) Perempuan sesuku, sekerabat, bersahabat, sepergaulan dan tetangga dengan dimedukan.
- iv) Anak saudara kandung isteri sendiri.
- v) Anak angkat.

Mereka yang melanggar adat dengan melakukan perkahwinan sumbang memang perlu dihukum mengikut tingkat sumbang yang dilakukannya. Pandangan adat perlu disepakati oleh kaum mahupun kerapatan adat dalam lingkungan yang ada. Kelaziman hukuman menurut aturan adat ialah: i) Hukuman moral, dan ii) Hukuman denda adat.

Misalnya dijatuhkan hukuman 'buangtingkarang' (dipulaukan) maka pasangannya itu dipencilkan daripada masyarakat atau disebut 'dikucilkan daripada pergaulan'. Manakala 'denda maaf' (timbang salah) perlu dirujuk kepada semua pihak atau kerapatan adat mengikut tingkat kesalahan sumbangnya itu. Kalau besar kesalahan maka timbang salahnya seekor kerbau, untuk disembelih dan diadakan majlis kenduri dos selamat.

Sekiranya kesalahan kecil maka timbangsalahnya (dendanya) ialah seekor kambing, atau seekor ayam, atau telur ayam dan paling ~~kecil~~ rendah sekali ialah mengulurkan tepak sirih. Di Minangkabau terdapat juga jenis per-

kahwinan yang selaras dengan 'adat bersendi syarak, syarak bersendi kitabullah, syarak mengato adat memakai, alam takambang jadikan guru' tetapi masih dihalang daripada bergaul di antara suami dan isteri.

Apabila telah dilaksanakan ijab kabul di hadapan kadhi dan syahadah, sepatutnya pasangan berkenaan sudah tidak menjadi halangan lagi bergaul sebagai suami isteri kalau merujuk kepada syariat Islam. Tetapi ditetapkan oleh adat si suami tidak boleh pulang ke rumah isterinya sekiranya tidak diadakan ~~istiadat~~ istiadat:

Jemput antar

Kenduri perhelatan

Timbal balik.

Disebabkan adat belum ~~istiadat~~ diisi, lembaga belum dituang maka si suami dilarang mencampuri isterinya. Inilah sebenarnya yang disebut dalam dalam perbilangannya: Syarak mengato adat memakai. Ertinya, apa yang telah disahkan menurut syariat agama, maka dipakaikan oleh adat menurut istiadatnya. Maka sekali-gus pula selaras dengan makna:

Nikah dua insan

Kahwin korong kampung

Dilaksana jemput antar

Perhelatan panggil memanggil

Timbal balik.

Di sinilah letaknya keakrapan dalam menyimpul silaturahmi di kalangan masyarakat yang disebut:

Beripar berbisan

Andan sumandan

Bako baki.

Dengan caralah demikian mereka dapat mengumpulkan semua sanak saudara kedua belah pihak bagi membolehkan kenal mengenali di antara satu sama lain.

Cara demikian sahaja pasangan yang baru menempuh alam perkahwinan itu mengenali sanak saudara pihak suami atau isteri, kerana sanak saudara dan kaum kerabat kedua belah pihak itulah nanti akan mengambil tahu masalah rumah tangga mereka:

Buruk bahambauan

Baik baimbauan.